

# Mesejnya untuk rakyat, pemimpin, ulama dan raja

10 NOV 1991

WALAUPUN beliau sudah menjadi pejuang negara memhangun dan sibuk menangani pelbagai agenda antarabangsa, namun kepekaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap masalah dan cabaran dalam negerinya sendiri tetap segar dan bernas. Ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung Umno Jumaat lalu membuktikan keprihatinan beliau terhadap bahaya yang bakal menimpa bangsa Melayu. Ucapannya yang padat, berani, tegas dan tepat itu adalah sumbangan yang paling berharga untuk perwakilan dan pemerhati di perhimpunan itu. Mesejnya untuk semua orang Melayu - daripada rakyat biasa dan ulama di desa dan kota, hinggalah kepada raja di istana.

Tiga perkara penting yang disentuh oleh Presiden Umno — kuasa dan tanggungjawab; Islam untuk kemajuan dan Dasar Pembangunan Nasional — adalah asas-asas penting pembentukan bangsa Melayu yang maju dan bahagia di dunia dan akhirat. Beliau memulakan ucapannya dengan membuka lipatan sejarah pemerintahan raja-raja Melayu yang penuh dengan perebutan kuasa, fitnah, tohmahan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah, sehingga akhirnya mereka terpaksa mengadai maruah kepada Kapitan Cina dan penjajah.

Disamping mengingatkan orang Melayu hahayanya rasuah, fitnah dan penyalahgunaan kuasa yang berakar umbi sejak pemerintahan raja-raja. Presiden Umno juga mahu mengajak orang Melayu dan Umno bertanya diri sendiri apakah gejala-gejala yang menjatuhkan pemerintahan raja-raja Melayu ini sudah berakhir. Apakah raja-raja Melayu sekarang tidak menyalahgunakan kedudukan untuk mendapat kawasan balak, saham, tanah dan kekayaan lain? Apakah raja-raja Melayu dan pemimpin-pemimpin politik Melayu hari ini hebat daripada gejala-gejala yang terukut ini? Jika masih wujud apakah tugas Umno dan orang Melayu?

Kalau penyalahgunaan kuasa dan rasuah raja-raja Melayu

dulu menyumbang kepada keruntuhan negeri-negeri Melayu, maka penyalahgunaan kuasa dan pembelian undi untuk pemilihan parti berakhir dengan Umno diisytiharkan tidak sah. Tindakan seorang hekas Menteri Kewangan menggunakan kuasa dan wang kerajaan untuk membeli undi dan mempopularkan diri dalam parti supaya cepat menjadi Perdana Menteri, adalah perbuatan keji yang akan menjahanamkan bangsa Melayu. Orang Melayu, raja Melayu dan pemimpin Melayu mestilah menjadikan sejarah malang ini sebagai iktibar bagi membersihkan diri mereka daripada segala niat dan perbuatan yang akan menahancurkan bangsa Melayu.

Kemunculan ulama yang menafsir Islam untuk kebahagiaan akhirat sahaja adalah satu lagi penyakit yang sedang melanda umat Islam pada hari ini. Melalui ajaran dan pengaruh ulama-ulama seperti ini, umat Islam akan menghabiskan hayat mereka membuat persediaan untuk akhirat dan kehidupan di dunia cukup dengan makan, minum dan pakaian sahaja. Pundemikian mereka terlupa, untuk makan, minum dan pakai manusia memerlukan kepakaran untuk membuatnya. Pengajaran daripada peperangan Teluk sudah cukup untuk membuktikan betapa umat Islam yang lemah terpaksa melutut kepada umat-umat lain untuk mendapat bantuan.

Kebimbangan ini telah pun disuarakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir dalam perhimpunan agung tahun lalu, tetapi ternyata kesannya belum ada. Kepada umat Islam yang sering bertukar-tukar masjid untuk bersemahyang Jumaat di Lembah Klang, mereka pasti akan berhadapan dengan ulama seperti yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri. Khutbah ulama seperti ini tidak lain daripada mengajak umat Islam beramal ibadat semata-mata dan mengutuk mereka yang mengejar kekayaan dunia. Bagi mereka amal ibadat seolah-olah terhad kepada sembahyang, puasa, memhri zakat

dan berwirid. Mereka terlupa, bekerja sebagai guru, pensyarah, pegawai di jabatan kerajaan dan sebagainya juga sebahagian daripada ibadat.

Kita berpendapat ulama seperti ini beranggapan makmum yang mendengar khutbah mereka semuanya kurang beriman, kurang pengetahuan agama daripada mereka, justeru itu mereka mesti terus berkhotbah soal halal haram, amal ibadat dan akhirat. Mereka terlupa bahawa makmum yang mendengar khutbah mereka setiap hari Jumaat bukan semuanya jahil dan tidak beriman seperti yang disangka.

Apalah salahnya ulama-ulama ini menggunakan mimbar masjid untuk berkhotbah menyeru umat Islam supaya kuat bekerja, berniaga dan menuntut ilmu. Alangkah hahagianya umat. Islam jika khatib-khatib yang memhaca khutbah menggunakan kesempatan itu untuk meniup semangat umat Islam supaya berjuang memperbaiki kehidupan mereka supaya tidak dipandang hina oleh umat-umat lain.

Nabi Muhammad s.a.w dan sahatnya Sayidina Abu Bakar, Omar, Othman dan Ali adalah ulama-ulama tulen yang tidak sahaja berdakwah mengenai kematian tetapi juga kemajuan di dunia. Nabi sendiri adalah seorang peniaga manakala Saidina Ahu Bakar pula seorang jutawan yang terkenal ketika itu. Kalau Sayidina Abu Bakar, Omar, Othman dan Ali hanya berdakwah supaya umat Islam beramal ibadat untuk akhirat semata-mata, rasanya agama Islam tidak akan berkembang ke seluruh pelosok dunia seperti hari ini. Sesungguhnya terlalu banyak contoh mengenai kemajuan ilmu, perniagaan dan kemakmuran hidup di dunia yang boleh dipetik daripada sejarah Nabi dan Khalifah ar-Rashidin, Ummaiyah, Ahassiah dan sehagainya, malangnya kebanyakan ulama kita lebih cenderung untuk menafsir Islam sebagai agama yang mementingkan hidup selepas mati sahaja.